

**NO. SOALAN: 70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH  
[ SABAK BERNAM ]**

**RUJUKAN : 9084**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi mengawal penjualan dan pengedaran Mashaf Al-Quran yang tidak mendapat perakuan Lembaga Pengawalan dan Perlesenan Percetakan Al-Quran (LPPPQ) dan nyatakan jumlah operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan sepanjang 2015 hingga 2016 serta nyatakan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan.

## JAWAPAN

Berdasarkan peruntukan Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (APTQ 1986) Kementerian Dalam Negeri berperanan mengawal dan memastikan bahan dan teks Al-Quran yang diterbitkan, dicetak, diimport dan diedarkan di dalam negara tidak mengandungi kesilapan yang boleh menjejaskan Al-Quran serta memastikan kesahihan dan mencegah penyelewengan bahan dan teks Al-Quran.

KDN dari semasa ke semasa telah menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan bagi mengawal selia aktiviti percetakan dan pengedaran bahan dan teks Al-Quran tersebut.

Sepanjang tahun 2015 sehingga Februari 2016, KDN telah melaksanakan sebanyak 2,329 operasi penguatkuasaan di lapangan melibatkan 10,021 premis percetakan dan premis jualan seperti pasar raya dan kedai buku. Statistik penguatkuasaan dan penahanan adalah seperti berikut:

### Statistik Penguatkuasaan di bawah Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986

TAHUN	JUMLAH OPERASI	JUMLAH PREMIS	TEKS AL-QURAN	BAHAN AL-QURAN	NILAI RAMPASAN
2015	2003	8918	2242	4337	RM244,940.48
Sehingga 29 Februari 2016	326	1103	133,728 (Termasuk 133,343 lembaran teks yang belum dibukukan)	962	RM185,397.25
<b>JUMLAH</b>	<b>2329</b>	<b>10,021</b>	<b>135,970</b>	<b>5299</b>	<b>RM430,337.73</b>

**Antara jenis kesalahan yang sering dilakukan atau ditemui ialah di bawah Seksyen 5(1) APTQ 1986 iaitu mencetak teks Al-Quran tanpa lesen, di bawah Seksyen 8(1) APTQ 1986 iaitu teks Al-Quran yang diimport tanpa kelulusan dan di bawah Seksyen 14(1) APTQ 1986 iaitu bahan-bahan Al-Quran yang mengandungi kesilapan.**

**KDN sentiasa peka dan prihatin terhadap pencetakan dan pengedaran bahan dan teks Al-Quran yang boleh memudaratkan kesejahteraan rakyat. Sehubungan itu, usaha yang berterusan akan dilaksanakan.**

**Dalam hal ini, bagi mengekang pengimportan bahan tersebut, KDN dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sentiasa melaksanakan sekatan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk Negara dengan memeriksa kontena dan bagasi pengimportan berdasarkan Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Akta 326) atau Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301).**

**KDN juga dalam sesi pertemuan dengan pengimport, penerbit dan pencetak Al-Quran telah memberi peringatan bahawa pengimportan dan percetakan serta pengedaran Al-Quran yang tidak mendapat perakuan Lembaga Pengawalan dan Perlesenan Percetakan Al-Quran (LPPPQ) adalah dilarang untuk dibawa masuk atau diedarkan di dalam Negara.**

**KDN juga bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam menyebarkan maklumat berkaitan larangan Al-Quran yang tidak mendapat perakuan Lembaga Pengawalan dan Perlesenan Percetakan Al-Quran (LPPPQ) kepada masyarakat umum khususnya umat Islam.**